

Rekaan pelajar USIM raih juara

Georgetown: Baju yang direka khusus bagi pesakit wanita hasil inovasi tiga pelajar tahun akhir Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul pemenang Anugerah Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan (NRIC) 2015.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) USIM yang juga ketua kumpulan, Hanisah Hassan, 21, berkata, ciptaan baju pesakit wanita itu adalah hasil penyelidikan yang dilakukan selepas mendapati ramai wanita tidak selesa dengan baju pesakit sedia ada.

"Temu bual dengan pesakit mendapati kebanyakan mereka kurang selesa dengan baju yang disediakan kerana rekaannya terlalu ringkas, terdedah dan agak pendek di beberapa bahagian terutama sekitar tangan, kaki dan kepala pesakit.

Pakaian pesakit lebih selesa

"Masalah ini menyebabkan timbul rasa tidak selesa terutama wanita beragama Islam yang mahukan pakaian yang menutup keseluruhan anggota badan.

"Pesakit yang memakai baju rekaan baharu ini lebih selesa kerana butang ringkas yang ada pada baju membolehkan mereka membuka bahagian yang perlu dirawat tanpa mendedahkan bahagian tubuh yang lain," katanya di sini, baru-baru ini.

NRIC berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM).

Kumpulan penyelidikan dari USIM menerima hadiah wang tunai RM5,000, piala dan sijil yang disampaikan Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Omar Osman. Hanisah juga menerima Anugerah Pembentang Terbaik.

Sementara itu, Omar berkata,

sebanyak 123 projek inovasi dari 18 universiti tempatan dan enam universiti Thailand dipamerkan sempena NRIC 2015.

Katanya, penganjuran program yang memasuki kali kesembilan itu bertujuan memberi pengiktirafan kepada projek penyelidikan yang dihasilkan sepenuhnya oleh pelajar universiti.

Kongsi idea, kepakaran

"Pertandingan kali ini menghimpunkan pelajar dari dalam dan luar negara.

"Sepanjang program, mereka berkesempatan berkumpul, berkongsi idea dan kepakaran melalui aktiviti yang dianjurkan.

"USM selaku tuan rumah pertandingan berharap lebih banyak peserta dan universiti dapat terabit dalam NRIC yang diadakan setiap tahun," katanya.



Omar (kanan) menyampaikan hadiah kepada Hanisah selepas memenangi Anugerah Pembentang Terbaik pada majlis penutupan NRIC 2015 di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

[FOTO ZULAIKA ZAINUZMAN/ BH]